

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

RUJUKAN : 9493

SOALAN:

IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kementerian khususnya di negeri Perlis dalam membasmi gejala penyalahgunaan dadah yang kini berada pada paras yang cukup membimbangkan iaitu meningkat sebanyak 100% setakat Julai 2016.

JAWAPAN:

Anggaran perbelanjaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi program pencegahan dan rawatan dalam membasmi gejala penyalahgunaan dadah di negeri Perlis bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM 144,385.88 (dengan pecahan RM 132,685.88 untuk program pencegahan dan RM 11,700.00 untuk program rawatan).

Statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah AADK menunjukkan bahawa tidak berlaku peningkatan jumlah penagih dadah sebanyak 100% berdasarkan perbandingan berikut:

STATISTIK JUMLAH PENAGIH DI NEGERI PERLIS TAHUN 2011**SEHINGGA JULAI 2016**

NEGERI	2011	2012	2013	2014	2015	Jan - Jul 2016
Perlis	293	337	374	499	781	392
Perbandingan dengan tahun sebelumnya (%)	-17.2%	15.0%	11.0%	33.4%	56.5%	-49.8%